

15 APR 1997

Mokhtar

SEMUA WAKIL RAKYAT DAN EXCO PERLU JAGA NAMA BAIK

CHUKAI, 15 April (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menegaskan pentingnya para anggota exco kerajaan negeri dan wakil-wakil rakyat menjaga nama baik mereka lebih daripada lain-lain.

Wan Mokhtar berkata mereka perlu mengingati nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed supaya bersih dalam serba-serbi.

"Saya sudah beri amaran supaya mereka berjaga-jaga sebab kalau terjebak dengan sesuatu perkara tidak ada sesiapa yang akan mempertahankan mereka," tegas beliau kepada pemberita selepas majlis menabur benih padi di Kampung Padang Ayer Puteh dekat sini petang semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar baru-baru ini bahawa BPR sedang menyasiat lapan anggota exco kerajaan di beberapa negeri kerana didakwa terbabit dengan rasuah.

Wan Mokhtar berkata beliau, bagaimanapun, tidak begitu bimbang dengan keadaan di negeri ini kerana kerajaan negeri sejak dulu tidak ada memberi kemudahan tertentu untuk anggota exco dan wakil rakyat sehingga mereka boleh melakukan penyelewengan.

Menteri Besar menegaskan beliau serta semua wakil rakyat, seperti biasa, perlu membuat pengisytiharan harta ini dari masa ke semasa.

"Semua sekali termasuk exco dan wakil rakyat perlu menjaga nama baik dan moral kita lebih utama daripada segala-galanya ...

"Siapapun tidak boleh mempertahankan kita (jika kita lakukan) satu perkara yang tidak baik," tambah beliau.

Sementara itu, ketika berucap di majlis itu, Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri akan membuka lebih banyak kawasan padi di negeri itu supaya ia dapat menampung keperluan negeri ini sepenuhnya.

Katanya Terengganu sekarang mengimport beras bernilai kira-kira RM70 juta setahun manakala pengeluarannya kira-kira RM30 juta. -- BERNAMA
sbj WAT